

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (23)

Tarikh : 30 Ogos 2019

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 10/2019

PELAKSANAAN SISTEM JAMINAN KUALITI TUNGGAL TVET: PEMAKAIAN KOD AMALAN AKREDITASI PROGRAM TVET (CODE OF PRACTICE FOR TVET PROGRAMME ACCREDITATION, COPTPA)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling MQA Bil. 9/2019 – Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET: Penambahbaikan Laluan Pendidikan Graduan TVET bertarikh 30 Ogos 2019.

2. Merujuk kepada **Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical and Vocational Education and Training, TVET)** yang telah dipersetujui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019, *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)* akan digunakan dalam pelaksanaan jaminan kualiti program-program TVET oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

3. COPTPA yang dibangunkan secara bersama oleh MQA, JPK dan pakar TVET akan menjadi rujukan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang terdiri daripada penyedia TVET, panel penilai MQA dan JPK, pegawai MQA dan JPK, penggubal dasar dan lain-lain pihak berkepentingan yang berkaitan.

4. COPTPA menggariskan skop program TVET dan standard minimum pelbagai keperluan khusus program TVET sebagai rujukan kepada PPT dalam penawaran dan jaminan kualiti program pengajian di Malaysia. Ia menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) dan menyenaraikan tujuh (7) bidang penilaian seperti berikut:

- (i) Bidang 1: Pembangunan dan Penyampaian Program
- (ii) Bidang 2: Penilaian Pelajar
- (iii) Bidang 3: Pemilihan dan Khidmat Sokongan Pelajar
- (iv) Bidang 4: Staf Pengajar
- (v) Bidang 5: Sumber Pendidikan
- (vi) Bidang 6: Pengurusan Program
- (vii) Bidang 7: Pemantauan, Semakan dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan Program

5. COPTPA akan digunakan oleh panel penilai dan pegawai MQA dalam penilaian akreditasi program TVET. Pengamalan proses jaminan kualiti yang tepat, teratur, konsisten dan berpandukan dokumen ini dapat menghasilkan graduan TVET yang berkualiti.

6. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap COPTPA adalah terpakai kepada semua PPT dalam penyediaan dokumen **permohonan Akreditasi Sementara, permohonan Penilaian Semula dan permohonan Akreditasi Penuh program TVET MQA** dengan perincian seperti berikut:

TARIKH	SITUASI	TINDAKAN PPT
01 Februari 2020	PPT ingin menawarkan program TVET.	PPT perlu mengemukakan permohonan Akreditasi Sementara (MQA-01) kepada MQA dan mendapatkan kelulusan pengendalian program daripada pihak berkuasa. Permohonan baharu ini perlu mematuhi COPTPA.
	PPT ingin <u>menukar program akademik sedia ada</u> yang telah mendapat Akreditasi Sementara MQA atau Akreditasi Penuh MQA kepada program TVET.	PPT perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan bersama maklumat perubahan untuk proses penilaian semula. Caj penilaian akan dikenakan berdasarkan penilaian yang dilakukan. Permohonan penilaian semula ini perlu mematuhi COPTPA. PPT perlu mendapatkan kelulusan bagi perkara-perkara yang dipinda daripada pihak berkuasa berdasarkan syor MQA.

7. Berkuat kuasa **01 Februari 2020** juga, penilaian program TVET yang merangkumi aspek pemilihan pelajar perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan COPTPA.

8. COPTPA perlu dibaca bersama dengan dokumen MQF serta dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi yang akan diperkenalkan dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, PPT boleh membuat penambahan elemen-elemen lain yang bersesuaian selaras dengan aspirasi institusi serta keperluan nasional dan antarabangsa.

9. COPTPA boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATU' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. YBhg. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. YBhg. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
7. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Tingkat 7-8, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 W.P. PUTRAJAYA

8. YBhg. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
9. YBhg. Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Aras 10, Blok C7, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62520 W.P. PUTRAJAYA
10. YBhg. Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Aras 3, Blok B3, Kompleks JPM
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62526 W.P. PUTRAJAYA
11. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 4, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Terengganu
21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
12. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
13. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
43400 SERDANG, SELANGOR
14. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Presiden
Universiti Multimedia
Persiaran Multimedia
63100 CYBERJAYA, SELANGOR